

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : Y.B. DATO' SERI ONG KA CHUAN  
[ TANJONG MALIM ]**

**TARIKH : 15.6.2015**

**SOALAN :**

**Dato' Seri Ong Ka Chuan [ Tanjong Malim ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan apakah perancangan Kementerian untuk mendorong universiti dan institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan memberi tumpuan yang lebih luas bukan sahaja dalam aspek penyampaian ilmu pada peringkat pengajian tinggi, tetapi juga aspek pembentukan graduan bersahsiah tinggi dan seimbang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, **Lonjakan 1- Graduan Holistik Berciri Keusahawanan dan Seimbang**, menggariskan strategi dan inisiatif Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menyediakan pendidikan yang seimbang antara ilmu dengan akhlak, serta menggalakkan pelajar untuk memupuk minda keusahawanan. Justeru itu, Kementerian telah menetapkan strategi untuk memastikan objektif lonjakan ini melalui pembentukan kurikulum yang holistik, bersepadu, dan diajarkan secara konstruktif berasaskan pencapaian hasil pembelajaran dan berpusatkan pelajar. Kurikulum, pengalaman pembelajaran dan intervensi pembelajaran akan menyasarkan kepada penguasaan yang mendalam dalam sesuatu disiplin, pembentukan

kemahiran diri, interpersonal dan sosial, serta amalan, adab dan nilai murni bagi cara berfikir dan tingkah laku.

Antara inisiatif utama termasuklah menambah baik pengalaman pembelajaran pelajar dengan mereka bentuk sistem purata nilai gred kumulatif (CGPA) bersepadu untuk menaksir pencapaian pelajar yang bersifat holistik, berciri keusahawanan dan seimbang. Sistem baharu ini tidak hanya mentaksir pengetahuan dan kemahiran berfikir (sebagaimana amalan sekarang), malah atribut utama lain yang merangkumi aspirasi pelajar; etika dan kerohanian; kemahiran kepimpinan; jatidiri kebangsaan dan penguasaan berbahasa.

Selain itu juga, KPM telah mengenal pasti lapan (8) teras aktiviti kokurikulum berkredit yang meliputi teras Inovasi, Khidmat komuniti, kesukarelawan, Pengucapan Awam, Kepimpinan, Kebudayaan, Keusahawanan dan Kesukanan bagi membangunkan kemahiran insaniah (KI) mahasiswa supaya mereka mampu menangani pelbagai isu dalaman atau luaran. Kesemua lapan (8) teras ini bertujuan untuk melahirkan mahasiswa IPT yang menguasai tujuh (7) KI iaitu komunikasi, pemikiran kritis dan menyelesaikan masalah, kerja berpasukan, pembelajaran berterusan, keusahawanan, kepimpinan dan moral serta etika profesional. Lapan (8) teras ini juga telah diterapkan dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran di IPT di mana mahasiswa diwajibkan mengikuti modul-modul ini sebagai syarat bergraduat.